

# 100 kakitangan UMSKAL hayati amanat Naib Canselor UMS

UB 25.2.2015 A9

LABUAN: Kira-kira 100 warga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menghadiri Majlis Amanat Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, kelmarin.

Mereka yang terdiri daripada pegawai, pensyarah, kakitangan dan pelajar mendengar amanat itu melalui persidangan video yang diadakan di Dewan Kuliah, Bangunan Menara, UMS Labuan dari Kampus Induk UMS di Kota Kinabalu.

Majlis amanat yang bermula jam 8.30 pagi itu dihadiri Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohamad Tuah serta Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Amos Peter.

Harun berharap semua warga UMS akan bekerja keras melonjakkan nama universiti ke persada antarabangsa selain di peringkat nasional.

Katanya, semua warga UMS bertanggungjawab melaksanakan visi dan misi menjadikan UMS sebagai sebuah universiti berinovatif bertaraf antarabangsa.

Beliau berkata, pelbagai inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan



**MURNIZAM (dua kiri) dan Zamri (dua kanan) menghadiri Majlis Amanat Naib Canselor UMS di Dewan Kuliah UMS Labuan, kelmarin.**

bagi memastikan UMS kekal relevan dan kompetitif serta bersaing di peringkat kebangsaan dan global.

Pada masa sama, Harun turut mengingatkan pelajar supaya tidak menjelaskan nama UMS dengan melakukan demonstrasi dan kegiatan yang melanggar undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

Pada tahun ini katanya, UMS juga akan meningkatkan

kemudahan untuk pelajar termasuk mencantikkan bangunan kolej kediaman dan menaiktaraf kemudahan internet dan Wifi.

“Sayamahumelihat UMS menjadi agen penyebar ilmu dan agen perubahan kepada masyarakat serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara tercinta,” katanya.

Terdapat kira-kira 2,000 pelajar dan 284 kakitangan termasuk pelajar dan pensyarah antarabangsa di UMS Labuan.